



# KENYATAAN MEDIA

## PEMBUKAAN SEMULA LALUAN PERSEKUTUAN 22 JALAN KOTA KINABALU – SANDAKAN, SABAH AKIBAT KEJADIAN TANAH RUNTUH

1. Satu kejadian kegagalan cerun telah berlaku pada 8 Disember 2019 pada jam 9.40 malam di Laluan Persekutuan 22 Jalan Kota Kinabalu - Sandakan, Kilometer 96.75 iaitu sekitar 3.45 Kilometer daripada Pekan Kundasang, Daerah Ranau, Sabah.
2. Tindakan segera telah dilakukan oleh pihak JKR Sabah dengan mengarahkan Syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan untuk membersihkan bekas runtuhan dan memulakan kerja - kerja pembinaan laluan sementara.
3. Kerja di tapak telah bermula pada 13 Disember 2019 sehingga 3 Januari 2020. Laluan ini **telah dibuka** kepada pengguna jalanraya **pada jam 8.30 pagi mulai 9 Januari 2020**.
4. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan. Sebanyak 3 buah bangunan terjejas dan telah dikosongkan serta merta.
5. Kegagalan cerun ini mengakibatkan jalan utama terputus sepenuhnya dan bekalan elektrik serta air terganggu di kawasan tersebut.
6. Laluan ini menghubungkan Kota Kinabalu ke kawasan timur Sabah (Daerah Ranau, Telupid, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau).
7. Kegagalan cerun ini berpunca daripada hujan lebat yang berterusan beberapa hari sebelum kejadian tanah runtuh berlaku.
8. Pihak JKR Sabah telah mendapati salah satu punca utama runtuhan besar ini berlaku disebabkan oleh aktiviti pembukaan tanah dan pemotongan bukit yang dilakukan oleh pemilik tanah persendirian di kawasan atas cerun.

**YB BARU BIAN**  
**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**  
**9 JANUARI 2020**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my